



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH

Tarikh Dibaca:

**29 SAFAR 1445H/
15 SEPTEMBER 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْقُوا طَعْمَ الْجَاهِلِيَّةِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH
15 SEPTEMBER 2023 / 29 SAFAR 1445H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعِيشَةً قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

﴿سورة الأعراف ١٠﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Khutbah pada hari ini bertajuk: “**Bersatu Teguh, Bercerai Roboh**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Demi keharmonian negara tercinta ini, khatib

juga ingin berpesan kepada seluruh umat Islam, agar sentiasa berhati-hati dengan setiap pertuturan dan tindakan yang boleh menjerumuskan diri sendiri dan orang lain ke lembah dosa, kekufuran dan kefasiqan. Ingatlah firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tanggal 16 September setiap tahun, kita bersama-sama meraikan sambutan Hari Malaysia bagi memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Dengan pembentukan Malaysia yang terdiri daripada 14 negeri ini, ia menambahkan lagi warna-warni dan keindahan negara ini dengan kepelbagaian adat budaya, bahasa, bangsa, dan sebagainya.

Islam menerima hakikat kemajmukan masyarakat dalam sesebuah negara. Ia bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ajaran Islam sangat menekankan tentang keamanan dan kedamaian. Maka oleh sebab itu, Islam menyeru umatnya untuk sentiasa mendorong manusia ke arah perpaduan dan

menjaga hubungan baik antara sesama manusia. Firman Allah SWT dalam Surah ali Imran ayat 103 yang bermaksud:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya”.

Rasulullah SAW merupakan contoh teladan kita dalam menegakkan negara dengan mendahulukan konsep perpaduan rakyat dalam masyarakat majmuk, bermula dengan menyatukan umat Islam. Misi perpaduan ummah dilakukan oleh Rasulullah SAW setelah berjaya mengumpulkan orang-orang yang memeluk Islam dan beriman di Makkah. Begitu juga selepas berjaya berdakwah dan mengIslamkan Suku Aus dan Khazraj yang menetap di Madinah serta beberapa suku kaum yang kecil dan beberapa orang individu. Pembentukan Piagam Madinah juga merupakan salah satu bukti bahawa Islam meraikan segala perbezaan yang ada dalam sesebuah negara dan mengutamakan keadilan sama rata yang berpandukan perintah Allah SWT dan syariat yang telah ditetapkan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam konteks negara Malaysia hari ini, kita seharusnya lebih matang dalam mendepani segala bentuk cabaran dan isu yang timbul. Tumpuan juga seharusnya diberikan kepada pembangunan negara yang lebih progresif dengan memastikan rakyat tidak tercicir sama ada dalam bidang pendidikan, ekonomi, kesihatan, peluang pekerjaan, teknologi dan sebagainya. Hentikanlah perbalahan dan persengketaan yang sia-sia kerana ia tidak mendatangkan manfaat malah menjerumuskan negara ini ke lembah kebinasaan dan kemunduran. Kasihankan rakyat yang ada sebahagiannya masih bertarung jiwa dan raga mereka untuk mendapatkan sesuap nasi untuk anak dan isteri. Kita juga telah melihat contoh yang berlaku di negara-negara luar bahawa persengketaan yang berpanjangan telah menyebabkan sesebuah negara itu runtuh dan meragut keamanan dan kedamaian yang telah dimiliki. Maka, adakah kita juga mahu menjadi seperti itu?

Lebih baik dan lebih indah jika kita hidup saling menghormati antara satu sama lain sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 77:

وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

“Dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, sempena Hari Malaysia ini, marilah kita baiki dan bina hubungan yang baik antara sesama kita sama ada pemimpin, mahupun rakyat jelata sekaliannya. Peganglah agama sekuat-kuatnya sebagai asas perpaduan dan persaudaraan. Semoga kita semua terus hidup dalam aman dan damai serta saling menghormati dan menyayangi antara satu sama lain dalam membina negara Malaysia yang diredhai dan diberkati Allah SWT. Khatib juga ingin meninggalkan beberapa pesanan:

Pertama: Islam merupakan penyelesaian yang terbaik dalam menghadapi segala macam isu termasuklah dalam konteks memelihara perpaduan negara sebagaimana yang telah dicontohkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Kedua: *Wala'* (ketaatan) kepada pemimpin perlu menjadi teras utama rakyat dan pemimpin. Namun dalam masa yang sama juga, pemimpin tidak boleh mengambil kesempatan atas *wala'* yang telah diberikan untuk mengaut keuntungan peribadi atau melakukan perkara-perkara di luar batasan syariat.

Ketiga: Sikap toleransi yang tinggi dan kematangan dalam menghadapi sesuatu isu menjadi kunci kepada daya tahan sesebuah negara dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin mencengkam. Tunaikanlah kewajipan agama dan jaga hubungan antara Allah SWT, serta hubungan sesama manusia dan alam. Insya-Allah, Allah SWT akan sentiasa menolong dan melimpahkan rahmat-Nya kepada kita.

Renungkanlah Firman Allah SWT:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar”. (Surah al-Anfal ayat 46)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua Bulan September

2023M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اْعَلْمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أُمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٧﴾